

KUALA LANGAT, 17 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN MAKLUMAT SALAH YANG DISEBARKAN MENGENAI MINYAK KELAPA SAWIT YANG MENJEJASKAN EKSPORT BAHAN ITU TERUTAMANYA KE NEGARA-NEGARA ISLAM.

TAMBAHNYA ADA LAPORAN YANG MENYATAKAN BAHAN TERSEBUT TIDAK BOLEH DIMAKAN DAN TIDAK BAIK SEPERTI MINYAK-MINYAK YANG LAIN.

+ NEGARA-NEGARA SEPERTI IRAN MISALANNYA, TIDAK MENGGUNAKAN BAHAN TERSEBUT KERANA SEMASA ZAMAN SHAH REZA PAHLEVI ADA LAPORAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADA KERAJAAN IRAN YANG MENYATAKAN BAHAWA MINYAK KELAPA SAWIT TIDAK BOLEH DIMAKAN, + KATANYA KEPADA PEMBERITA DI MAJLIS PEMBUKAAN KILANG HENKEL OLEOCHEMICAL DITELOKPANG LIMA GARANG DI SINI.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN ENGGAN MENJELASKAN PUNCA MAKLUMAT SALAH YANG DISEBARKAN ITU.

+ SAYA TIDAK PAYAH MENYEBUTKAN PUNCANYA.. ITU TERPULANGLAH KEPADA ANDA SEMUA UNTUK MEMASTIKAN PERKARA YANG SEBENAR, + KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN TERSEBUT MASIH BELUM BERUBAH DAN NEGARA BELUM DAPAT MENGATASI MASALAH ITU.

SEBELUM ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR, DALAM UCAPANNYA DI MAJLIS TERSEBUT BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MENJALANKAN BEBERAPA STRATEGI UNTUK MEMPERLUASKAN PASARAN EKSPORT MINYAK SAWIT MEMANDANGKAN WUJUDNYA HALANGAN-HALANGAN TERSEBUT.

SELAIN SENTIASA MENKKAJI STRUKTUR DUTI EKSPORT BAHAN ITU, ROMBONGAN-ROMBONGAN TEKNIKAL YANG KE LUAR NEGERI AKAN DIBERI MAKLUMAT YANG TEPAT.

INI BERTUJUAN UNTUK MENGURANGKAN KERAGUAN YANG DISEBABKAN OLEH PENYIBARAN MAKLUMAT YANG SALAH, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA DAYA PENGELUARAN MINYAK KELAPA SAWIT MELALUI PEMBANGUNAN ESTET YANG DIURUSKAN SECARA TERATUR JUGA AKAN TERUS DIGALAKKAN.

PENANAMAN SECARA ESTET ITU AKAN DAPAT MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PENGGUNAAN TEKNOLOGI YANG LEBIH BANYAK DAN MENINGKATKAN PENGELUARAN DI SAMPING MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN, KATANYA.

MENYENTUH TEKNOLOGI MODEN, BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK SILU-SILU MENCARI KESEMPATAN ATAU PELUANG MENDAPATKAN TEKNOLOGI YANG LEBIH BAIK.

+ BAGI MALAYSIA, KITA MESTI SEDAR KITA MEMERLUKAN TEKNOLOGI MODEN, TERUTAMA DARI NEGARA-NEGARA MAJU. DENGAN KESEDARAN ITU KITA AKAN MENCARI TEKNOLOGI, DAN BUKAN MENUNGGUNYA DATANG BERGOLEK ATAU DILETAKKAN KE ATAS RIBAKITA, + TEGASNYA.

BELIAU BERKATA MEREKA YANG MAHU SESUATU HARUS MELAKUKAN APA SAHAJA SECARA IKHLAS UNTUK MENDAPATKANNYA.

+ BAGI KITA YANG KEHAUSAN TEKNOLOGI MESTILAH SEDAR KITA MEMERLUKANNYA DAN BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENDAPATKANNYA, + TAMBAHNYA.

BELIAU BERHARAP SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA YANG MELIBATKAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI TIDAK PULA MENUNGGU KAKITANGAN ASING MENYOGOK-NYOGOKKAN PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN MEREKA MENGENAI SESUATU TEKNOLOGI.

KATANYA DENGAN SIKAP AGRESIF DAN BERSEDIYA, MEREKA YANG TERLIBAT AKAN DAPAT MENGATASI SIKAP GOLONGAN YANG KURANG SENANG MEMBERI PENGETAHUAN TEKNOLOGI MEREKA.

SELAIN MENJALANKAN PENYELIDIKAN, KILANG HENKEL YANG BERHARGA \$26 JUTA ITU JUGA MENYEDIAKAN TEKNOLOGI DAN KEPAKARAN PEMASARAN ANTARABANGSA SERTA MEMBEKALKAN OLEOCHEMICALS KIMIA YANG DIGUNAKAN UNTUK PENGELUARAN SABUN, ALAT SOLEK, UBAT, GETAH TIRUAN DAN PELAPIS PERMUKAAN.